

19 SEP 1999

Mahathir-Demonstrasi

DAKWAAN KERACUNAN ARSENIK UNTUK HASUT PENYOKONG ANWAR

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, idea di sebalik dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang beliau telah diracun semasa dalam penjara ialah untuk menghasut penyokong-penyokongnya mengadakan demonstrasi.

Perdana Menteri berkata, ini mungkin satu daripada tiga sebab beliau membuat dakwaan seperti itu apabila Anwar sedar sokongan daripada orang ramai telah berkurangan kerana "tak ada apa-apa dah".

"Untuk membuat mereka (penyokong) marah and naik berang, beliau (Anwar) mendakwa dirinya telah diracun," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Kelab Golf Kakitangan Awam dan Hari Keluarga Perkhidmatan Awam, di sini.

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya mengenai demonstrasi jalanan oleh penyokong-penyokong Anwar kerana dakwaan bekas Timbalan Perdana Menteri itu yang beliau diracun dengan arsenik.

Ekoran dakwaan itu penyokong-penyokong Anwar mengadakan demonstrasi Sabtu lepas, semalam dan hari ini.

Menurut Dr Mahathir, dakwaan itu adalah bagi melewati lagi perbiacaraan liwat Anwar yang telah berjalan untuk agak lama. Ia juga untuk mencemarkan imej kerajaan semasa berlangsungnya persidangan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) dan Persidangan Undang-undang Komanwel di sini, baru-baru ini.

Ditanya sama ada dakwaan keracunan arsenik itu adalah bagi melewati pengumuman tarikh pilihan raya, Perdana Menteri berkata: "Tidak, ia hanya bertujuan melengahkan kesnya (perbicaraan) kerana jika kes itu berakhir orang ramai boleh membuat komen.

Selagi ia masih dalam perbicaraan kita tidak boleh mengulas mengenainya, beliau tidak mahu kita berkata apa-apa semasa kempen pilihan raya."

"Anda perlu ingat yang isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail pernah mendakwa yang kerajaan akan menyuntik virus Aids pada suaminya dan dakwaan seperti ini (termasuk keracunan arsenik) akan dibuat atas dua atau tiga sebab tertentu," katanya.

Dr Mahathir berkata, juga demonstrasi penuntut pada 1974 didalangi oleh Anwar yang mendakwa ada budak mati kebuluran.

Dakwaan itu dibuktikan palsu tetapi ia menyebabkan penuntut-penuntut naik marah dan membantah.

Bila ditanya mengenai demonstrasi hari ini untuk menaikkan semula sentimen kemarahan penyokong Anwar, Dr Mahathir berkata jika Anwar tidak berbuat begitu parti Keadilan Nasional yang dipimpin oleh isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail tidak akan mendapat sokongan.

"Orang yang masuk parti Keadilan kelihatan masuk semula ke dalam Umno dan ada yang membubarkan parti itu (di sesetengah tempat). Mereka (masuk semula Umno) kerana tahu tiada asas bagi dakwaan konspirasi terhadap Anwar," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Anwar perlu memberi kerjasama untuk membolehkan ujian dijalankan bagi membuktikan kebenaran dakwaan keracunan arsenik kerana tuduhan itu turut menjejaskan imej kerajaan.

"Kini beliau tidak mahu membenarkan diri diperiksa untuk mententusahkan dakwaan keracunan arsenik. Saya percaya ada empat ujian, kuku, rambut dan sum-sum tulang untuk mengenal pasti sama ada terdapat keracunan arsenik atau tidak.

Ditanya mengenai saksi pendakwan dalam kes liwat Anwar, Azizan Abu Bakar yang ditangkap berkhawat baru-baru ini, Dr Mahathir berkata, saya rasa ada orang yang mengawasinya dengan rapi. Tetapi kini beliau telah berkahwin. Saya rasa segala-galanya akan dilakukan untuk memperkecilkan saksi itu.

-- BERNAMA

ARA PR